



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN TADARUS PERDANA  
RAMADAN 1445H SEMPENA ULANG TAHUN KE-50  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**10 MAC 2024**

**MASJID KHALID AL WALID  
DATOK KERAMAT, KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

## **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Perasmian Tadarus Perdana Ramadan 1445h sempena Ulang Tahun Ke-50 Wilayah Persekutuan pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan-tuan dan Puan-puan di hadapan saya kerana hadir di majlis yang memuliakan kitab suci Al-Quran ini.

## **AL-QURAN TERAS PEMBANGUNAN UMMAH MALAYSIA MADANI**

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

3. Rasullulah SAW bersabda: "Apabila kalian berjalan melewati Taman-Taman Syurga, maka duduklah bersama mereka".
  
4. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah yang dimaksudkan dengan Taman-Taman Syurga itu? Baginda menjawab: "Taman Syurga itu ialah halaqah-halaqah zikir (Majlis Ilmu)."

Hadis Riwayat Ahmad & At-Tirmidzi

5. Al-Quran merupakan titik temu kebangkitan dan penyatuan ummah. Pembentukan ummah yang sentiasa berganding bahu dan bersatu hati dapat membentuk tingkah laku serta akhlak individu dalam menaikkan imej Islam di seluruh negara, bahkan di mata dunia.
  
6. Penghayatan dan pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan tidak terhad dengan tempat-tempat tertentu dan bukan sahaja boleh diamalkan di rumah, malah ia boleh dilakukan di tempat kerja mahupun di tempat awam.

7. Saya percaya bahawa dalam melangkah ke arah pembentukan negara yang serba maju, kuat dan berdaulat, masyarakat yang mendukung negara itu haruslah tinggi nilainya, bertamadun dan berpegang teguh kepada agama.
  
8. Justeru, sebagai umat Islam, permulaan kepada segala ilmu itu, adalah daripada Al-Quran. Kita harus meneladani kecemerlangan generasi-generasi terdahulu yang disebut dalam Al-Quran. Lihat dan hayati bagaimana para Sahabat berusaha membina dan menjamin pembangunan ummah kerana iltizam yang tinggi dalam usaha

memperkokuh akidah, akhlak dan syariat umat Islam.

**TADARUS PERDANA RAMADAN 1445H  
SEMPENA ULANG TAHUN KE-50  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

9. Apabila bulan Ramadan tiba, sudah semestinya umat Islam menyambut bulan yang mulia ini dengan melakukan pelbagai ibadah dalam usaha mencari keberkatan dan keredaan dariNya.

10. Justeru, tadarus Al-Quran semestinya menjadi antara amalan yang dilakukan oleh umat Islam. Ia merupakan sebuah aktiviti yang mendidik jiwa, sahsiah diri dan rohani sepanjang bulan Ramadan, bahkan memantapkan bacaan dan tahsin serta mengalakkan budaya Al-Quran dalam kehidupan seharian.
  
11. Antara kelebihan Tadarus Al-Quran ialah membentuk kesefahaman membaca Al-Quran mengikut kesesuaian masa dan agihan surah dalam kalangan peserta. Ada kumpulan peserta yang menggunakan masa rehat tengah hari untuk bertadarus, manakala bagi golongan

pesara pula ramai yang memilih waktu Dhuha untuk bertadarus.

12. Dengan adanya program sebegini, ia secara tidak langsung akan menjadi titik tolak kepada perpaduan yang unggul dalam kalangan masyarakat muslim, mencetus semangat dan kesungguhan bagi merialisasikan pembentukan rakyat Malaysia yang cemerlang.
  
13. Saya difahamkan bahawa program Tadarus Perdana kali ini dibuka kepada 50 pasukan sempena sambutan ulang tahun ke-50 Wilayah Persekutuan dan telah mendapat sambutan yang hangat sekali dari

warga Wilayah Persekutuan. Saya dimaklumkan kumpulan peserta merangkumi persatuan, kariah masjid, agensi Kerajaan, syarikat swasta, serta para pelajar.

14. Malah, saya juga turut dimaklumkan, kaum wanita mewakili 80% dari penyertaan dan ini mencerminkan bahawa di sebalik kesibukan harian, kaum wanita tidak ketinggalan untuk merebut membuat amalan di bulan Ramadan yang mulia.

## **PENUTUP**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,**

15. Pada era yang serba moden ini, Tadarus kini bukan hanya boleh dilakukan secara bersemuka sahaja. Kemudahan teknologi membolehkan kita memanfaatkan kemudahan internet untuk aktiviti Tadarus secara atas talian melalui pelbagai platform yang sedia ada.
  
16. Adalah menjadi harapan saya program ini menjadi pencetus kepada semua ke arah membudayakan Al-Quran walau dimana sahaja berada dan dalam keadaan apa jua sekalipun.

17. Menerusi program Tadarus Perdana ini, saya berharap segala usaha yang baik ini dapat diteruskan lagi biarpun Ramadan berlalu. Semoga ukhwah yang terbina ketika bertadarus ini berpanjangan dan mengeratkan silaturahim sesama kita. Pasti kita mampu membina kenangan manis dengan berjaya mengkhatam Al-Quran seperti yang diharapkan.
  
18. Dengan kesempatan yang ada ini, saya ingin mengucapkan selamat menjalankan ibadah berpuasa kepada semua warga Wilayah Persekutuan yang beragama Islam. Semoga Allah S.W.T memberkati setiap langkah kita

dalam menjalankan ibadah di bulan Ramadan yang mulia ini!

19. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.
20. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Tadarus Perdana Ramadan 1445h sempena Ulang Tahun Ke-50 Wilayah Persekutuan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.